

25/10/2003

Dr M penunjuk arah pelayaran bahtera Malaysia

Dr Ilias Zaidi

PENUTUPAN perayaan sambutan kemerdekaan ke-46 di Kota Kinabalu pada 16 September lalu adalah lambang kepada penubuhan Malaysia yang merangkumi negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta Singapura 40 tahun lampau.

Kedua-dua tarikh keramat itu dapat dianggap dua kutub yang penuh kontradiksi kalau mahu menelusuri sejarah pembentukan persekutuan baru itu, cetusan pemikiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri pertama, dalam satu persidangan media di Singapura pada 27 Mei, 1961.

Gelora sengketa demi tercetus saja ide pembentukan Malaysia itu semacam tidak sesiapa menduga bahawa kini wujudnya perpaduan rakyat pelbagai kaum menerusi penyertaan berbilang parti di bawah payung Barisan Nasional (BN), begitu kukuh utuh, bergerak sebagai satu pasukan, gagah perkasa melakari sejarah negara dan sekali gus dunia.

Betapa tidak, tahun-tahun pasca kemerdekaan Sabah dan Sarawak melalui Malaysia, menyaksikan keselarian tindak-tanduk pemimpin politik kedua-dua negeri mengikut rentak tari kerajaan Persekutuan. Kejutan budaya ini sesuatu yang dianggap songsang kepada mereka, menatijahkan ketegangan di kalangan parti. Pastinya, penalaan semula perlu dilakukan demi kepentingan nasional.

Percantuman parti mulai diatur dan menjadi realiti apabila parti pertama di Sabah, Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (Unko), diasaskan bulan Ogos 1961, bergabung dengan Pasok Momogun menjelang pilihan raya Jun 1964.

Lalu terbentuklah Pertubuhan Pasok-Momogun Kadazan Bersatu (Upko).

Walaupun perundingan berjalan lancar menurut kerangka Perikatan Sabah menjelang pilihan raya itu, konflik kepemimpinan terus berterjah ke permukaan, mengheret Tunku masuk campur sebagai orang tengah untuk menstabilkan keadaan.

Pengheretan Tunku turut sama dalam peredaan gelora konflik di Sarawak, khususnya di kalangan parti Bumiputera Islam dengan bukan Islam dalam Perikatan Sarawak.

Secara lebih spesifik, bayu yang berpuput di Sabah tidaklah selembut desir angin di Sarawak kerana ia kadangkala bertukar ribut kencang.

Namun begitu, dalam rentetan peristiwa yang berkocak dan kadang kala bergelora itu, sejarah dapat menyaksikan permuafakatan dan tolak ansur melalui semangat BN, telah mewujudkan perpaduan yang tidak tertera wajahnya.

Segala tenaga dan sumber dapat disalurkan kepada projek pembangunan demi kesejahteraan dan mengangkat taraf hidup rakyat.

Persis disimpulkan Bruce Ross Larson dalam bukunya *The Politics of Federalism* (1976:220) dalam konteks politik di Sabah menyebut: For the

time being, however, federal leaders are sufficiently preoccupied with matters peninsular to be seduced by satisfaction that the winds of change and conciliation have returned to Sabah - the place known for centuries as the land below the wind.

Rumusan ini dibuat selepas kerajaan Berjaya (dibentuk pada 15 Julai, 1975) mengambil alih teraju pemerintahan negeri daripada parti Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (Usno) di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha Harun.

Berjaya yang lebih terserlah di bawah pimpinan Datuk Harris Salleh, memacu Sabah setangkas kuda garang, menghambat masa yang begitu banyak tersia-sia, ke arah pembangunan pesat.

BN, cetusan idea Tun Abdul Razak adalah rahmat tersendiri ekoran tragedi 13 Mei 1969. Konsep yang berupa pengembangan payung Perikatan yang lebih lebar menjangkau parti-parti selain Umno, MCA dan MIC. Gagasan besar ini, seperti yang terbukti sekarang, menempuhi ujian awalnya pada pertengahan 1970-an di Sarawak, apabila menyaksikan pembentukan kerajaan campuran Perikatan dengan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP).

Pulau Pinang pula menubuhkan kerajaan campuran Perikatan dengan Gerakan pada 1972, disusuli oleh Perak dengan Parti Progresif Rakyat (PPP) tiga bulan kemudian. Proses pengeraman ini menetas apabila BN ditubuhkan dengan rasminya pada 1 Januari 1973 menerusi pembentukan kerajaan campuran dengan Pas di bawah pimpinan Datuk Asri Muda.

Pelayaran BN kian tahun kian stabil mengharungi laut bergelora, menepati matlamat utamanya ke arah hendak mengurangkan politiking di kalangan parti politik. Perpaduan menjadi lebih terpelihara dan pembangunan negara lebih tangkas perkasa.

Datuk Seri Mahathir Mohamad yang menjadi Pengerusi BN kemudiannya dapat melihat kestabilan politik dapat diperkukuh melalui pembubaran Usno untuk memberi laluan kepada kemasukan Umno ke Sabah, selepas menyaksikan prestasi kurang menyengat parti itu dalam beberapa pilihan raya negeri.

Pembubaran Usno bukan sesuatu yang sulung, akan tetapi pengorbanan barisan penerajunya ketika itu amat besar dan patut disanjung tinggi, sebagai mercu tanda sokongan padu kepada pimpinan Perdana Menteri.

Perenungan Dr Mahathir tidak bernokhtah di situ. Beliau lantas meuar-uarkan perkongsian kuasa bagi jawatan Ketua Menteri di kalangan peneraju parti Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina ketika kempen pilihan raya 1994. Wawasan yang sungguh unik ini dibuat untuk mengembalikan pemerintahan negeri kepada Barisan. Parti Bersatu Sabah (PBS), parti pembangkang adalah berkuasa ketika itu, menumbangkan kerajaan Berjaya yang cuma berkuasa untuk tempoh dua penggal.

Pelakaran episod sebegini sesungguhnya membenarkan premis bahawa Dr Mahathir adalah tonggak perpaduan negara. Perpaduan sebenarnya bertunjangan kepada sikap toleransi yang diamalkan oleh BN seawal-awalnya lagi.

Pelantikan Dr Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketika itu, adalah tepat dan jitu. Tohmahan kononnya beliau ultra Malay pada permulaannya amat meleset apabila terbukti beliau diterima in toto oleh pelbagai parti tanpa mengira akar jalurnya.

Perhatikan pula akan keprihatinan beliau untuk menghapuskan politik di kalangan parti pelbagai kaum apabila memaafkan pengalaman pahit getir akibat tikaman dari belakang oleh banyak pihak. Buktinya ialah kesediaan BN menerima semula PBS ke bawah naungan parti induk itu.

Yang lebih penting ialah apabila pemikiran dan persepsi politik parti politik di Sabah dan Sarawak, termasuk rakyat kedua-dua negeri, sudah dapat dialurkan ke dalam arus perdana politik kepartian nasional.

Simbolis kepada penutupan majlis sambutan kemerdekaan ke-46 ini, aluran ini seharusnya dimengertikan oleh generasi muda yang lebih berpendidikan, dengan keterbukaan merenung jauh akan nasib agama, bangsa dan negara pada masa depan di tengah-tengah kancah yang dapat diluruskan.

Barisan pelapis sepatutnya berada di benteng depan dalam agenda bertindak mempertahankan perpaduan dan kedaulatan negara. Mereka menjadi pemimpin yang pada awalnya harus diterima pada peringkat akar-umbi, sebelum melebarkan sayap ke peringkat lebih tinggi yang pasti jalannya berliku dan ranjaunya berdebu.

Sebagai pemimpin tempatan yang serba arif dengan persekitarannya, setiap individu harus melengkapi diri dengan ilmu. Ilmu memantapkan isian fakulti pemikiran, pandangan dan wawasan. Dengan itu, seseorang dapat diterima sebagai pemimpin. Tuntutan dan keperluan zaman kini sudah meluas dan mendalam, merangkumi dunia teknologi maklumat, dunia komputer, internet dan Measat.

Gerakan pembangunan bangsa mengajak generasi kini merenungi diri bagi melihat kelemahan yang wujud seperti berjiwa lemah, tidak bersemangat waja menghadapi cabaran dan terlalu mengejar kemewahan dalam usaha hendak mencari jalan penyelesaian ke arah kesempurnaan.

Soalnya, bagaimana caranya hendak memupuk semangat patriotisme dan jati diri di kalangan generasi remaja kini. Persoalan inilah yang harus difikirkan bersama.

Jiwa anak-anak muda haruslah terasuh supaya menghormati keutuhan dan kedaulatan negara. Bukankah Datuk Azhar Mansor pernah berkata, resepsi penting untuk mencapai kecemerlangan ialah semangat perjuangan yang kental dan kenegaraan yang menebal bersulam jati diri.

Minda generasi muda perlu sentiasa terbuka dan ada wawasan dan

matlamat

hidup yang positif. Mereka harus tahu menghargai jasa-jasa pemimpin seulong Dr Mahathir.

Baca tulisannya. Hayati perasaannya. Fahami perutusan dan wawasannya. Hayati dan terjemahkan pemikirannya selama 22 tahun menjadi pemacu negara

ke arah melayari bahtera laju sehingga Malaysia menjadi negara membangun yang paling maju dan berjaya.

Pemimpin datang dan pergi. Yang datang hendaklah disambut dengan fikiran

positif lagi terbuka, mendoakan ketangkasannya berpencak di tengah-tengah

gelanggang demi meneruskan perjuangan yang belum selesai. Yang pergi tidak

wajar ditangisi sebab pemergiannya dibuat ketika nama sedang terjulang megah seantero dunia.

Kerangka penerusan perjuangan yang belum selesai ini dapat dilakar melalui titipan perpaduan dan kerjasama yang sendat. Seluruh warga harus mempunyai jati diri yang kuat dan semangat waja yang kental, agar tidak mudah undur apabila berhadapan dengan sesuatu dugaan dan cabaran.

Oleh itu generasi muda pastinya hendaklah mengubah paradigma pemikiran agar tidak bertelagah sesama sendiri, tidak berbalah berkelahi kerana sesuatu kontradiksi yang tidak lebih daripada kocakan air dingin di dalam cawan.